



## KENYATAAN MEDIA

PENGARAH DARUL QURAN  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

### BERKENAAN

MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN JAKIM KALI KE-26

BERTEMPAT DI DEWAN MUKTAMAR  
DARUL QURAN JAKIM  
PADA 5 OGOS 2017

---

Seramai **615 orang** graduan dari semua program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran akan bergraduasi dalam sidang yang dijadualkan akan berlangsung pada **5 Ogos 2017**, bertempat di **Dewan Mukhtar, Darul Quran Jakim, Kuala Kubu Bharu, Selangor**.

2. Berikut merupakan pecahan bilangan graduan berdasarkan program pengajian yang dijalankan di Darul Quran:

- i. **436 orang** graduan Program Diploma Tahfiz al-Quran;
- ii. **86 orang** graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM;
- iii. **36 orang** graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN;
- iv. **34 orang** penerima Sijil Tamat Pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ;
- v. **Tiga orang** graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran OKUMP (Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan); dan
- vi. **20 orang** graduan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid.

3. Sejak penubuhannya pada tahun 1966 hingga 2016, Darul Quran telah melahirkan seramai **6,472 orang graduan huffaz** melalui Program Diploma Tahfiz Al-Quran, Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM dan Pensijilan Jakim-UNITEN. Pada tahun ini, graduan huffaz Darul Quran akan bertambah lagi dan mencecah bilangan seramai **7,030 orang**.

---

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan  
Darul Quran Jakim  
Jalan Hamzah, Ampang Pecah  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan

4. Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-26 juga merupakan **majlis istiadat kali pertama** bagi Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 dengan **20 orang** graduan Program SKM yang akan bergraduasi ini merupakan perintis serta perantis kohort yang pertama program ini.

5. Berpaksikan kejayaan SKM fasa pertama, pelaksanaan program ini telah diteruskan untuk fasa seterusnya dengan pengambilan kohort kedua seramai 24 orang perantis yang dijangka akan tamat tempoh latihan pada Disember 2017 dan bakal bergraduasi pada tahun hadapan. Momentum kejayaan pelaksanaan program ini akan diteruskan lagi dengan perancangan pelan peningkatan kemahiran daripada SKM Tahap 3 kepada **Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)** dan **Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)**.

6. Pelaksanaan program SKM ini adalah suatu usaha yang amat murni dalam mempersijilkan bakal-bakal perantis yang bergelar hafiz dalam bidang kemahiran berkaitan agar dapat menjadi suatu nilai tambah untuk diterima dalam pasaran kerja di Malaysia kerana di samping mempunyai kemahiran, mereka akan turut dianugerahkan sijil yang diiktiraf oleh kerajaan.

7. Dalam majlis istiadat ini juga, Darul Quran akan menyampaikan Anugerah Kecemerlangan kepada enam kategori berikut:

- i. Anugerah Kecemerlangan Institusi;
- ii. Anugerah Khas;
- iii. Anugerah Kecemerlangan Hafazan al-Quran;
- iv. Anugerah Pengerusi Lembaga Darul Quran;
- v. Anugerah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri; dan
- vi. Anugerah Perdana Menteri.

8. Darul Quran mengucapkan syabas dan tahniah kepada **bakal penerima Anugerah Khas** yang merupakan pelajar Darul Quran **kategori OKU Penglihatan** iaitu kepada saudara Ahmad Danial Bin Mohd Sani dan saudari Nur Amirah Binti Azali dari Program Diploma Tahfiz Al-Quran.

9. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada **saudara Ahmad Zahiruddin Bin Zailani** dari Program Diploma Tahfiz Al-Quran yang telah mencatatkan sejarah kerana buat pertama kalinya, Anugerah Khas ini bakal dinobatkan kepada pelajar Darul Quran **kategori Autisme**.

10. Selain itu, Darul Quran turut mengambil kesempatan dalam majlis istiadat ini untuk menyampaikan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) kepada **33 orang** penerima STM Pangkat Mumtaz bagi calon yang menduduki ujian pada tahun 2016 dan 2017.

11. Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali ke-26 ini akan disempurnakan oleh **YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri**.

Sekian

DR. HAJI NORDIN BIN AHMAD  
3 Ogos 2017